

Perdana Menteri hadir Malam Titian Kasih

KEPALA BATAS 13 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini menghadiri Malam Titian Kasih bagi mengumpul dana untuk Rumah Kanak-Kanak Datin Seri Endon di sini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri yang juga penaung rumah tersebut, menerima sumbangan derma daripada beberapa syarikat berjumlah RM595,000.

Derma tersebut adalah bagi membaik pulih serta meningkatkan prasarana rumah itu yang sebelum ini dikenali sebagai Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Pengerusi Yayasan Budi Penyayang, Nori Abdullah.

Pada majlis itu, tetamu dihiburkan

dengan persembahan penyanyi terkenal Siti Nurhaliza Taruddin.

Bakal suami Siti, Datuk Khalid Mohamad Jiwa turut hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Millennium itu.

Rumah Kanak-Kanak Datin Seri Endon ditubuhkan pada 1969 dan kini menempatkan 160 kanak-kanak berusia di antara sehari hingga 18 tahun.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menerima cenderahati daripada dua penghuni rumah kanak-kanak, Nursyafiqah dan Nurhanah.

Ia berupa sekeping gambar mereka bersama Perdana Menteri yang diambil semasa Abdullah melawat rumah itu pada tahun 2000.

Ketika itu mereka berumur setahun.